

WACANA KOHESI TEKS DIGITAL KHUTBAH MAULUD NABI

Aifa Izzati Azman, Normaliza Abd Rahim dan Nor Azuwan Yaakob
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi Universiti Putra Malaysia

ABSTRAK

Kajian ini bertumpu kepada kajian tentang wacana kohesi teks digital khutbah Maulud Nabi pada tahun 2016, 2017 dan 2018 dalam portal Jakim. Seterusnya, objektif pertama kajian ini ialah mengenal pasti kohesi dalam wacana teks digital khutbah Maulud Nabi. Objektif kedua pula, membincangkan andaian teks digital khutbah Maulud Nabi terhadap masyarakat. Kajian ini dilakukan melalui perkataan dan andaian konteks ayat yang dilihat dalam teks khutbah tersebut. Dalam konteks Islam, wacana Maulud Nabi merupakan salah satu isu yang menjadi polemik keIslaman dalam masyarakat yang sering disebut-sebutkan bagi mengingati kelahiran Nabi. Hal ini juga menjadi faktor pengkaji dalam melakukan penelitian terhadapnya. Namun begitu, kajian yang menggunakan teks khutbah sebagai sumber utama masih belum dikaji oleh para penyelidik. Kajian ini menggunakan kaedah pendekatan iaitu analisis wacana oleh Normaliza Abd Rahim (2019). Setelah itu, analisis teks yang dihasilkan melalui pendekatan ini, dianalisis dengan melihat kepada kohesi gramatikal dan leksikal serta andaian dalam teks khutbah Maulud Nabi. Dalam pendekatan ini, wacana Maulud Nabi bukan hanya dilihat kepada kohesi dan konteks ayat sahaja, namun diteruskan pada aspek andaian untuk menganalisis kesan wacana teks khutbah Maulud Nabi kepada masyarakat. Oleh itu, metodologi kajian ini adalah dengan menggunakan kaedah kualitatif. Pengkaji hanya menumpukan sepenuhnya kepada teks digital Maulud Nabi dengan meneliti penggunaan bahasa dan ayat dalam wacana teks khutbah dan seterusnya menganalisis teks berikut. Secara umum, kajian ini menjelaskan sejauh mana teks digital khutbah memberikan kefahaman wacana dengan jelas kepada pembaca.

Kata Kunci:

Wacana teks, kohesi, khutbah Maulud Nabi

PENGENALAN

Artikel adalah sebuah penulisan karya ilmiah dimana ia telah dikarang dengan pemikiran serta penelitian daripada kajian pustaka. Dengan itu, kajian ini dilakukan dengan menganalisis wacana teks digital khutbah Maulud Nabi. Secara definisinya, Maulid Nabi merupakan hari, tempat atau waktu kelahiran Nabi sebagai peringatan kelahiran Nabi Muhammad SAW. Di samping itu, Maulid Nabi merupakan sebuah upacara keagamaan yang dilaksanakan oleh kaum muslimin bagi memperingati kelahiran baginda. Maulud ini dilaksanakan dengan harapan melahirkan rasa cinta pada Rasulullah SAW. Secara tidak langsung, Maulid Nabi adalah tradisi yang berkembang dalam masyarakat Islam (Hizbut Ut-Tahrir, 2011). Dengan itu, kajian dilakukan dengan menganalisis wacana teks khutbah Maulud Nabi. Dapat dilihat, analisis wacana boleh ditakrifkan sebagai ilmu yang merumuskan kepada sesebuah pengetahuan terhadap kalimat atau klausa dalam organisasi wacana. Oleh hal demikian, analisis wacana berupa kajian kebahasaan yang tertinggi, iaitu pertuturan mahupun melalui teks bertulis. Wacana berdasarkan kepada media komunikasi terbahagi kepada wacana tulisan dan wacana lisan. Menurut Tarigan (2006) mengatakan bahawa wacana bertulis dikatakan sebuah wacana yang dicetak secara bertulis yang disalurkan melalui media. Hal ini bagi memudahkan pembaca menerima serta memahami teks yang dibacanya. Dapat juga dikatakan bahawa, wacana tulisan adalah wacana yang diterjemahkan juga secara penuturan, prosa dan puisi. Manakala wacana lisan merupakan wacana yang disalurkan melalui percakapan berpandukan kepada media lisan. Dalam memperoleh kefahaman daripada wacana lisan ini, pembaca perlu menyemak dan mendalami kandungan ayat yang disampaikan dalam teks. Jelaslah bahawa, wacana ini sangat produktif dalam lisan malahan juga di siaran televisyen, radio, khutbah,

pidato serta ceramah. Di samping itu, kohesi merujuk kepada konsep wacana yang mempunyai perkaitan dengan semantik, iaitu kesinambungan makna dalam sebuah wacana. Menurut Halliday & Hasan (1976), wacana merujuk kepada dua perkataan dalam sesuatu ayat. Kesimpulannya, khutbah ialah teks ceramah atau alat penyampaian dalam sesebuah analisis wacana yang berteraskan kepada wacana lisan. Setelah itu, wacana lisan diserap ke dalam bentuk bertulis serta dianalisis menggunakan teori analisis wacana. Akhir sekali, teks khutbah Maulud Nabi ini akan dianalisis dengan menggunakan pendekatan analisis wacana oleh Normaliza Abd Rahim (2018).

KAJIAN TENTANG KOHESI

Kajian yang dilakukan oleh Siti Norma Aisyah Malkon@Molkan (2018), memfokuskan kohesi gramatikal dan leksikal melalui Pidato Malala Yousafzai: *“The Pen Is Mightier Than The Sword”*. Kajian ini bertujuan untuk mengklasifikasikan serta menganalisis secara deskriptif aspek perpaduan tatabahasa dan leksikal pada teks Malala Ucapan Yousafzai. Seterusnya, kajian ini telah mengaplikasikan teori Halliday & Hasan (1976). Kajian turut memberi tumpuan kepada aspek tatabahasa dan leksikal perpaduan. Tatabahasa kohesi terdiri daripada rujukan peribahasa peribadi, demonstrasi, kata sindiran penggantian, elipsis, dan konjungsi. Kohesi leksikal dalam kajian seperti pengulangan kata, sinonim, antonim, superordinat dan kolokasi. Dapatan kajian menunjukkan terdapat 102 kata ganti yang terdiri daripada 79 kata ganti peribadi, 10 kata ganti tunjuk perasaan, 13 kata ganti sindiran, dan terdapat 5 penggantian, 83 konjungsi terdiri daripada 62 konjungsi tambahan, 5 konjungsi aditif, 8 konjungsi kausal, 8 konjungsi temporal. Begitu juga dalam kohesi leksikal terdapat 11 pengulangan, 16 sinonim, 4 antonim, 1 hipotesis, 3 superordinat dan 5 kolokasi. Namun begitu, elipsis tidak terdapat dalam ucapannya. Kajian ini hampir selari dengan Endang Wiyanti (2016) yang menyebut bahawa kohesi gramatikal pada aspek penggantian dan elipsis meliputi pemakaian bahasa berupa kata, frasa, klausa dan kalimat untuk perujukan kalimat berpasangan untuk mengetahui hubungan kohesi. Oleh itu, unsur bahasa yang paling mendominasi adalah pada kohesi penggantian dan unsur bahasa yang terkecil ialah elipsis verbal. Di samping itu, kajian ini mempunyai keputusan yang sama dengan kajian yang dilakukan oleh Ganesan Subramonian (2015) yang menyatakan dalam kajiannya bahawa terdapat pelbagai unsur kohesi gramatikal dan leksikal bagi menemui ketekstualan terhadap kewacanaan pada novel *Ilatchia Payanam*. Oleh itu, pemakaian kohesi gramatikal dalam kajian banyak berbanding kohesi leksikal di samping membentuk kesepaduan dalam keutuhan wacana teks. Kajian ini turut disokong oleh kajian Klara Sukma Pujiati (2017) & Iis Putri Hartami (2018) yang menyatakan penggunaan wacana dibentuk dari struktur penanda kohesi gramatikal dan leksikal secara keseluruhan 92.8% dan ini menunjukkan penanda kohesi pada wacana dalam teks atau iklan termasuk dalam kategori yang layak dikaji.

Kajian yang dilakukan oleh Ihsan Bintang Ariaji (2018) memfokuskan kepada analisis peringkat kohesi dalam wacana cerita pendek Shuumon No Ooi Ryouriten yang ditulis oleh Miyazawa Kenji. Kajian dilaksanakan bagi tujuan menggambar elemen kohesi dalam cerita pendek wacana serta bagaimana perpaduan dibentuk dalam cerita. Wacana cerita pendek ditranskripsi ke dalam bentuk teks dengan dianalisis menggunakan kaedah deskriptif. Hasil kajian mendapati cerita pendek ini adalah sebuah wacana yang kohesif kerana terdapat kohesi gramatikal dan kohesi leksikal. Di samping itu, kajian menunjukkan kohesi rujukan dan konjungsi adalah sebahagian kohesi gramatikal yang masih digunakan, manakala sebahagian kohesi leksikal yang masih digunakan adalah penanda ulangan. Kajian ini selari dengan kajian oleh Yau (2015) yang memperlihatkan rujukan dan konjungsi adalah dua jenis kohesi yang sering digunapakai dalam sesebuah wacana. Dengan itu, kohesi yang terdapat dalam karangan amat terhad dan para pelajar begitu lemah dalam menguasai penggunaan kohesi gramatikal pada penulisan karangan. Seterusnya kajian ini hampir sama dalam dapatan kajian yang diperkatakan oleh Abdul Aziz Idris & Ir Juanda

Jaya (2017) bahawa wacana merupakan pemahaman berkenaan kohesi gramatikal atau leksikal kerana kohesi memainkan peranan yang penting dalam membentuk struktur sebuah wacana. Rentetan itu, kajian di atas turut di sokong oleh kajian Mohd Azidan Abdul Jabar & Ab. Halim Mohamad (2017) serta Cerianing Putri Pratiwi (2017) di dalam kajian menyatakan sebuah wacana yang utuh kerana direalisasikan oleh penanda kohesi gramatikal seperti rujukan penggantian dan konjungsi.

KAJIAN TENTANG WACANA TEKS

Kajian yang dilakukan oleh Nur Izzati Rozman & Nur Azilawati Mohd Noor (2018), memfokuskan analisis wacana kritis pendepanan strategi 'jaminan kesejahteraan rakyat' sebelum dan selepas pilihan raya. Kajian ini bertujuan mengenal pasti bagaimanakah rakyat diletakkan sebagai suatu keutamaan dalam strategi pembentangan bajet negara sebelum dan selepas pilihan raya. Penggemblerangan strategi negara berfokuskan kesejahteraan rakyat adalah berbeza representasinya dari aspek pengutamakan strategi dan misi nasional sebelum dan selepas PRU 2008 yang menyaksikan

Lanskap politik negara mengalami perubahan yang ketara selepas Tsunami Politik 2008. Dapatan kajian menunjukkan bahawa wacana kritis strategi pendepanan rakyat sangat jelas melalui perincian leksikal. Seterusnya, analisis pertalian dalaman dan luaran didapati ada perbezaan yang ketara dalam penghasilan kedua-dua teks pendekatan yang diambil oleh pewacana dalam memformulasikan teknik serta strategi yang bersesuaian. Analisis wacana memberikan gambaran tentang kaedah interpretasi teks berlandaskan kerangka kajian dalam menganalisis praktis sosial yang wujud dalam keterjalinan padu untaian tekstual sesebuah teks. Kajian ini hampir selari dengan Normaliza Abd Rahim (2018) dalam kajian wacana bertulis digital pada *instagram* dengan mengaplikasikan teori analisis wacana Brown & Yule (1983). Kajian ini bertujuan berkongsi idea dan maklumat yang disampaikan melalui analisis wacana dalam *instagram* berpandukan kapsyen di antara dua puluh subjek yang terlibat dengan perayaan. Hasil kajian mendapati mesej yang cuba disampaikan dalam *instagram* telah difahami dengan baik dan berjaya dihantar, bahkan subjek yang terlibat mampu membina keyakinan dalam mengungkapkan makna tersirat melalui penulisan kerana terdapat tindak balas yang diberikan berkaitan dengan kapsyen. Kajian ini turut diperkatakan oleh Rohaizah Ab Karim (2014) & Nurul Afifah Adila Mohd Salleh (2017) yang menyatakan wacana teks ucapan berkonsepkan 'promosi diri' kepada orang ramai. Berdasarkan teks, wacana ini berfokus kepada struktur genetik maklumat dan tindakan terhadap penekanan ideologi kepimpinan dalam pentadbiran. Kombinasi unsur struktur, tautan, nahu dan leksikalisasi membuktikan mampu diserlahkan ke dalam diri pemimpin berjiwa rakyat. Dapatan kajian tersebut hampir sama dengan kajian Chang (2014) & Nurul Aishah Mohd Radzi, Normaliza Abd Rahim & Nor Azuwan Yaakob (2018) yang menunjukkan bahawa dimensi tekstual sangat mempengaruhi pengiklanan sesuatu produk sama ada daripada aspek kosa kata, leksikal ataupun kohesi. Dimensi tersebut dapat menyampaikan maklumat dengan baik kepada pengguna dan menarik perhatian dengan kata yang terkandung di dalam wacananya.

Selain itu, kajian oleh Abd Ganing Laenggang (2018) memfokus kepada lakuan bahasa dalam menganalisis teks khutbah Jumaat Negeri Selangor mengaplikasikan teori Bach dan Hamihis. Terdapat enam teks khutbah yang dibaca dan dipilih. Dua teks pada tahun 2018 pada bulan Februari, dua teks bulan mac serta dua teks yang dipilih pada bulan April untuk dianalisis. Oleh itu, dapatan kajian mendapati terdapat 13 subkategori dan tiga kategori lakuan. Jumlah keseluruhan kekerapan lakuan yang digunakan sebanyak 341 kali. Sebagai contoh, lakuan bahasa nasihat adalah yang paling kerap, iaitu 83, lakuan bahasa deskriptif sebanyak 61, lakuan bahasa maklumat mempunyai 42 dan lakuan penegasan sebanyak 41. Dengan itu, kajian ini menunjukkan bahawa wacana teks khutbah Jumaat lebih bersifat deskriptif dan nasihat. Kajian ini hampir sama dengan

kajian oleh Pramono Abdullah (2015) & Rohaily@Abd Rahman Abd Hamid (2012) menyatakan kajian wacana teks khutbah Jumaat penting dalam memaparkan usaha bagi penambahbaikan sesebuah metode rujukan bagi melancarkan satu usaha membuat perbandingan bagi menerbitkan teks dengan menggunakan bahasa yang betul dan berkualiti. Hal ini kerana, kekuatan dan kelemahan isi kandungan teks perlu di titikberatkan. Dengan itu, dapatan kajian membuktikan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan melancarkan metod penyediaan teks khutbah sistematik terhadap proses penerbitan. Kajian ini selari dengan Mohd Zuhir Abd Rahman (2014) serta disokong oleh kajian Muhammad Faizuddin Hashim (2016) dalam kajian analisis wacana terhadap teks pembelajaran bahasa Arab menjelaskan konteks berperanan penting dalam memahami sesuatu bahasa yang dihasilkan. Dapatan menunjukkan penganalisan unsur pengaruh konteks sosiobudaya tempatan terhadap teks pembelajaran wacana dikategorikan kepada konteks situasi, bahasa, budaya dan agama. Oleh itu, unsur pengaruh konteks mempunyai pertalian yang rapat dengan pembelajaran wacana teks Arab. Namun begitu, bertitik tolak daripada kajian di atas maka, objektif kajian ialah mengenal pasti wacana kohesi yang terdapat pada teks khutbah Maulud Nabi dan membincangkan andaian terhadap teks khutbah Maulud tersebut.

METODOLOGI

Kajian ini direalisasikan dengan menggunakan kaedah kualitatif melalui analisis teks. Kajian telah menggunakan teks digital khutbah Maulud Nabi 2016, 2017 dan 2018 sebagai bahan kajian yang utama untuk mengkaji wacana kohesi serta mengumpulkan maklumat dalam mendapatkan data yang berkaitan untuk memenuhi objektif kajian yang dijalankan. Seterusnya, untuk memenuhi objektif kedua, kajian ini telah menggunakan kaedah pendekatan analisis wacana Normaliza Abd Rahim (2019) dengan mengaplikasikan elemen ketiga dalam teori wacana tersebut, iaitu elemen andaian yang merangkumi kepada pendapat, perujukan dan persoalan terhadap teks digital khutbah Maulud Nabi yang terdapat dalam portal Jakim untuk mendapatkan bahan dalam kajian serta memahami kandungan teks yang cuba disampaikan kepada masyarakat. Kajian ini dilakukan dengan menggunakan kaedah pemerhatian atau penelitian terhadap teks tersebut. Dengan itu, kajian akan mengaplikasikan kaedah pendekatan analisis wacana yang diutarakan oleh Normaliza Abd Rahim (2019).

TEORI ANALISIS WACANA (NORMALIZA ABD RAHIM, 2019)

Kandungan	Konteks	Andaian
- Tema	- Tatabahasa	- Pendapat
	- Latar	- Perujukan
	- Emosi	- Persoalan

KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

Dalam artikel ini akan dideskripsikan data yang diperoleh daripada khutbah Maulud Nabi yang bertajuk “Rasulullah: Rahmat Ke Seluruh Alam” melalui penggunaan analisis wacana berlandaskan kepada kohesi gramatikal dan kohesi leksikal. Dapatlah dilihat bahawa analisis gramatikal merupakan wacana berdasarkan bentuk atau struktur lahir wacana itu sendiri, di samping analisis leksikal merujuk kepada wacana yang berkonsepkan kepada makna.

Selepas itu, Sumarlam (2003) dan Lubis (1991) mengatakan kohesi gramatikal wacana ini meliputi kepada rujukan, penggantian, elipsis dan konjungsi. Seterusnya, Halliday & Hassan (1976) pula mengatakan kohesi leksikal dalam wacana dapat dibahagikan kepada dua perkara,

iaitu reiterasi dan kolokasi. Reiterasi terbahagi kepada tiga iaitu kata yang sama, sinonim, dan superordinat. Kolokasi pula adalah pengulangan perkataan yang kehadirannya saling berkait.

1. KOHESI GRAMATIKAL

Rujukan (reference)

Merupakan kohesi gramatikal yang mempunyai hubungan antara satuan bahasa di dalamnya yang meliputi kata, frasa dan benda. Dengan kata lain, ia juga berupa perkataan atau frasa tertentu yang merujuk perkataan atau frasa yang lain. Kohesi rujukan dapat dibezakan dengan dua rujukan anaforis dan rujukan kataforis. Rujukan anaforis adalah unsur wacana yang berupa peranti bahasa yang digunakan untuk merujuk kepada sesuatu yang telah disebutkan sebelumnya (kiri). Sementara itu, rujukan kataforis merupakan perkataan atau frasa tertentu yang merujuk kepada perkataan atau frasa lain yang menjadi pengikut dalam unsur baharu yang disebutkan kemudian (kanan). Kohesi rujukan yang terdapat dalam teks khutbah Maulud Nabi seperti berikut:

1	<i>Sidang jemaah yang dirahmati Allah</i> , saya berpesan kepada diri saya dan menyeru <i>sidang Jumaat yang dikasihi sekalian</i> ,
2	...marilah <i>kita</i> meningkatkan ketakwaan kepada Allah dengan bersungguh-sungguh melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya.
3	Mudah-mudahan kehidupan pada <i>hari ini</i> mendapat rahmat dan keberkatan hidup di dunia dan di akhirat.
4	...maka marilah kita menghayati khutbah pada <i>hari ini</i> yang bertajuk: “Rasulullah: Rahmat Ke Seluruh Alam”.
5	Allah telah mengutuskan Rasul-Nya sebagai rahmat kepada seluruh manusia agar beliau memimpin mereka ke jalan hidayah. Dan tiada yang menerima hidayah itu melainkan golongan manusia yang mempunyai kesediaan untuk menerimanya walaupun rahmat itu merangkumi orang yang beriman dan mereka yang tidak beriman”.

Pada data (1) terdapat kohesi rujukan eksofora yang bersifat anaforis pada ayat *sidang jemaah yang dirahmati Allah* yang disebut terlebih dahulu dan dirujuk dengan *menyeru sidang Jumaat yang dikasihi sekalian*. Sementara itu, *kita* pada data (2) bersifat eksofora kerana merujuk kepada unsur di luar teks dan merujuk kepada rujukan persona (kata ganti orang) yang ditunjukkan kepada khatib yang sedang memberikan ceramah. Seterusnya, data (3) dan data (4) pada *hari ini* merujuk kepada rujukan demonstratif yang merujuk pada waktu sekarang, iaitu ketika khutbah itu diberikan atau dibacakan. Di samping itu, rujukan endofora yang bersifat kataforis dapat dilihat pada data (5) *mengutuskan Rasul-Nya* merujuk kepada Rasulullah, iaitu perkataan yang disebut sebelum perkataan -Nya itu berada di sebelah kanan. Pada data (5) juga, *-nya* pada perkataan *menerimanya* adalah rujukan anaforis yang bersifat endofora dilihat pada kata *-nya* berupa kata yang telah disebut, iaitu ditunjukkan kepada *golongan manusia*.

Penggantian (substitution)

Merupakan kohesi gramatikal yang merujuk kepada kohesi penggantian perkataan atau frasa lain dalam sebuah wacana yang sama. Kohesi penggantian dalam wacana digunapakai bagi menambahkan pelbagai variasi bentuk, cerita narasi dan menggugurkan sebahagian ayat serta mendapatkan perkataan yang berbeza (Kridalaksana, 1984: 185 dalam Tarigan, 2009: 96). Contoh teks khutbah di bawah:

1	...sistem kehidupan yang <i>komprensif</i> yang merangkumi segala aspek kehidupan manusia
2	...ajaran Islam yang di bawa oleh Rasulullah telah <i>memasakkan</i> satu sistem kehidupan yang penuh bertamadun
3	Islam telah menetapkan <i>standard</i> kehidupan yang terbaik dalam mengatur perjalanan hidup manusia di muka bumi ini.
4	<i>Risalah Muhammad</i> telah menjadi rahmat kepada kaumnya dan rahmat kepada seluruh umat manusia selepas <i>Baginda</i> .
5	Sifat akidah yang menjadi tunjangan kita beragama dan menolak segala bentuk kepercayaan <i>syirik, khurafat dan karut</i> .

Berdasarkan data di atas, terdapat kohesi penggantian bagi beberapa unsur yang tertentu telah disebutkan melalui unsur yang lain. Dengan itu, pada data (1) perkataan *komprensif* digantikan dengan perkataan *segala aspek kehidupan*. Seterusnya, pada data (2) perkataan *memasakkan* digunakan dengan menggantikan kepada ayat *apa jua yang dibawa* oleh Rasulullah. Di samping itu, *standard* pada data (3) digantikan dengan perkataan lain yang ada perkaitan iaitu darjat. Akhir sekali, data (5) kata *Risalah Muhammad* digantikan kepada *Baginda* iaitu Rasulullah. Begitu juga dengan data (5) kata *syirik, khurafat dan karut* berupa sesuatu kepercayaan.

Elipsis

Merupakan kohesi gramatikal yang merujuk kepada pengguguran perkataan atau frasa yang disebutkan atau dinyatakan dalam ayat-ayat sebelumnya. Perkataan yang dihilangkan seperti kata, frasa, klausa atau kalimat. Kohesi gramatikal mempunyai fungsi dalam keberkesanan untuk mencapai perpaduan wacana dan pembaca sebagai fungsi mengaktifkan fikiran pada perkara yang tidak dinyatakan dalam unit bahasa seperti contoh teks di bawah:

1	<i>al-Quran dan sunnahnya</i> yang menjadi teras utama panduan umat Islam. Berpegang teguh dengan <i>kedua-dua peninggalan</i> ini bukan hanya bermakna kita meyakini sahaja tetapi yang lebih penting adalah bagaimana kita menterjemahkan ajaran syariah...
---	---

Berdasarkan pada data (1) tersebut, terdapat perkataan yang digugurkan, iaitu *al-Quran dan sunnahnya*. Kata pada data ini mempunyai rujukan yang sama pada data yang terbabit iaitu *kedua-dua peninggalan* tersebut merujuk kepada maksud data (1) yang ingin disampaikan.

Konjungsi

Merupakan unsur kohesi gramatikal yang dinyatakan melalui cara menyatukan atau menghubungkan perkataan lain dengan perkataan yang lain juga dalam wacana seperti penanda aditif (tambah maklumat), adversatif (bertentangan), kausal (sebab dan akibat) dan temporal (perkaitan masa).

1	Islam mampu bertahan sehingga kini <i>dan</i> bakal bangun pada masa hadapan.
2	...merupakan satu perkara yang sia-sia <i>dan</i> tidak mempunyai makna...
3	...sentiasa hidup aman damai, makmur <i>dan</i> selamat sepanjang zaman

4	Masuklah kamu ke dalam Islam secara keseluruhannya dan <i>janganlah</i> kamu ikuti langkah-langkah syaitan.
5	...kehidupan yang terbaik dalam <i>mengatur perjalanan</i> hidup manusia di muka bumi ini.
6	Bermula dari <i>fasa</i> kelahiran hinggalah berakhirnya kehidupan seseorang manusia.
7	<i>Mudah-mudahan</i> kehidupan pada hari ini mendapat rahmat dan keberkatan hidup di dunia dan di akhirat.

Berdasarkan data (1), (2) dan (3) merujuk kepada makna aditif atau penambahan yang berfungsi dalam menghubungkan secara koordinatif antara klausa pada sebelah kiri dengan klausa yang mengandungi perkataan *dan* itu sendiri. Seterusnya, data (4) terdapat konjungsi adversatif *janganlah* yang membawa makna pertentangan bahawa Islam itu mengajak kepada kebaikan. Di samping itu, pada data (5) iaitu pada perkataan *mengatur perjalanan* merujuk kepada konjungsi temporal kerana ia mempunyai kaitan dengan masa. Begitu juga, data (6) *fasa* merujuk kepada fenomena yang berkaitan dengan proses. Hal ini menunjukkan masa yang diambil. Data yang terakhir (7) pada perkataan *mudah-mudahan* adalah konjungsi yang mengatakan sebuah harapan kepada sesuatu perkara dan boleh diertikan sebagai semoga.

2. KOHESI LEKSIKAL

Kohesi reiterasi

Reiterasi atau pernyataan semula melalui tiga bentuk, iaitu penggunaan perkataan yang hampir sama mahupun sama seperti penggunaan kata sinonim serta kata superordinat. Terdapat beberapa contoh dalam teks khutbah Maulud Nabi seperti:

➤ Pengulangan kata yang sama dalam baris teks di bawah:

D1: “*Apa jua* yang dibawa oleh Rasulullah kepada kamu maka terimalah ia, *dan apa jua* yang dilarang kamu melakukannya maka patuhilah larangannya. Dan bertakwalah kamu kepada Allah; sesungguhnya Allah amatlah berat azab seksa-Nya”

D2: Tanamkanlah rasa kasih sayang di antara *kami*, kekalkanlah perpaduan dalam kalangan *kami*, semoga dengannya *kami* sentiasa hidup aman damai, makmur dan selamat sepanjang zaman.

Huraian:

Berdasarkan data di atas pengulangan pada D1 diulang sebanyak dua kali pada perkataan *apa jua*, iaitu menjelaskan kepada penerimaan dan penolakan. Namun begitu, pada D2 perkataan *kami* juga telah diulang sebanyak tiga kali. Pengulangan perkataan digunakan kerana ia menunjukkan kepada permohonan seorang hamba dengan bersungguh-sungguh secara berturut-turut bagi menunjukkan penekanan bahawa pentingnya perkataan itu dalam konteks pertuturan. Pengulangan berturut ini mampu dilihat pada D2 juga kerana yang diulang berada pada baris kedua di hadapan dan di tengah.

➤ Sinonim atau perkataan seerti dalam contoh teks di bawah:

D1: ke jalan *hidayah*... menerimanya walaupun *rahmat* itu

D2: *mentauhidkan* Allah... akidah *pengesaan* dan pengabdian kepada Allah

D3: *komprehensif* yang merangkumi *segala aspek* kehidupan manusia

D4: hendaklah kita *mengikut* dan *patuh* apa sahaja yang dibawa oleh Rasulullah

D5: *bermujahadah* dan *berjuang* untuk kebaikan ummah

D6: kelihatan *aneh* dan *ganjil* pada pandangan hati manusia

Huraian:

Kata yang telah di e-talingkan merupakan perkataan yang sinonim iaitu memiliki ejaan yang berbeza tetapi makna yang sama atau mirip dengan perkataan yang sebelumnya.

- **Superordinat makna kata yang merangkumi makna kata lain dalam contoh teks di bawah:**

D1: bentuk *kepercayaan* syirik, khurafat dan karut.

Huraian:

Hiponim adalah unsur kohesi leksikal yang maknanya berasal daripada perkataannya sendiri serta berupa sebahagian kata dari makna lain juga. Kohesi ini mencakupi sesetengah perkataan berhiponim yang digelar sebagai superordinat. Contohnya, syirik, khurafat dan karut merangkumi makna kata bentuk kepercayaan.

Kohesi kolokasi

Kolokasi oleh (Halliday & Hassan, 1976) yang bermaksud kohesi leksikal yang diperoleh daripada kesinambungan perkataan yang telah lama wujud bersama. Kolokasi ini dicapai dengan berlandaskan kepada semantik melalui item-item leksikal yang maknanya dilihat secara umum atau sama.

- **Kolokasi pengulangan perkataan yang kehadirannya saling berkait seperti contoh teks di bawah:**

D1: syariat Islam bermula dengan keluarga, sahabat, kaum dan sehinggalah Islam berjaya ditegakkan sebagai sebuah sistem pentadbiran negara Islam

D2: aspek kehidupan manusia baik dalam sistem pentadbiran, perundangan, kewangan dan sebagainya.

D3: tandus tanpa wujudnya sungai, kebun, mahupun tumbuh-tumbuhan, menjelajah dan berkembang seluruh pelusuk bumi.

Huraian:

Kolokasi merujuk kepada sebuah kata atau frasa yang direalisasikan atau digabung dengan kata atau frasa yang lain di mana ia sering didengar atau dituturkan oleh penutur bahasa itu sendiri. Hal ini terdapat pada data di atas, seperti dalam D1, iaitu perkataan *Syariat Islam*. D1 ini menunjukkan bahawa Syariat Islam adalah sesuatu perkara yang telah ditetapkan atau suruhan kepada umat manusia dalam melaksanakan perintah-Nya. Hal ini jelas ditunjukkan dengan bermula daripada manusia, iaitu pemimpin seperti keluarga, sahabat, kaum dan sebagainya.

TEMA: “RASULULLAH SAW RAHMAT KE SELURUH ALAM”

DATA 1

Pendapat:

Contoh ayat dalam teks khutbah:

P1: Mudah-mudahan kehidupan pada hari ini mendapat rahmat dan keberkatan hidup di dunia dan di akhirat.

P2: Baginda benar-benar membawa keyakinan bahawa syariat Islam merupakan satu sistem yang terbaik dan sempurna untuk diamalkan di dalam kehidupan manusia. Ajaran Islam yang dibawa oleh Rasulullah telah memasakkan satu sistem kehidupan yang penuh bertamadun

P3: Baginda menjadi teladan yang sempurna sepanjang zaman

Justifikasi andaian:

P1 di atas jelas menyatakan bahawa perkataan *mudah-mudahan* merupakan satu pengharapan bagi umat manusia untuk meneruskan kehidupan yang lebih baik. Jika kita hidup kerana Allah, maka segala perbuatan yang dilakukan adalah semata-mata untuk mendapat ganjaran yang baik. Selain itu juga, *keberkatan hidup di dunia dan di akhirat* juga dapat diterangkan bahawa bukan di dunia sahaja kita mendapat kebaikan seperti orang telah membuat kebaikan kepada kita malah juga akan di balas di akhirat kelak.

Jika dilihat dari ayat P2 di atas, manusia perlu merujuk kepada peraturan yang ada dalam Islam supaya kehidupan lebih terjamin. Namun begitu, jika manusia melanggar peraturan maka kehidupannya akan terjejas serta akan huru-hara. Hal ini juga akan menyebabkan negara menjadi mundur dan dipandang rendah oleh negara luar. Selain itu, *memasakkan satu sistem* di sini dapat di rujuk bahawa jika kita mengikut segala yang diajar atau telah di sampaikan daripada Rasulullah, maka jalur dan jalan kehidupan kita akan berjalan dengan lancar dan lebih teratur.

P3 menunjukkan bahawa Rasulullah merupakan tokoh yang patut dicontohi dalam kehidupan. Oleh itu, manusia perlu mempunyai sikap yang positif dalam diri supaya segala perkara yang berlaku dapat diatasi dengan tenang dan sabar. Sebagai contoh, jika kita seorang pengarah, maka perlakuan kita terhadap pekerja mestilah bertimbang rasa dan hormat walaupun pangkat lebih tinggi. Kita juga perlu berbuat baik iaitu bukan sahaja kepada manusia, tetapi terhadap haiwan dan alam semula jadi

Perujukan:

Contoh ayat dalam teks khutbah:

P1: Rasulullah bermujahadah membawa umat manusia kepada akidah yang benar

P2: ...kehidupan zaman jahiliah

P3: Bermula dari fasa kelahiran hinggalah berakhirnya kehidupan seseorang manusia

Justifikasi andaian:

P1 di atas, iaitu kata *bermujahadah* merujuk kepada Rasulullah sebagai pendorong kepada seseorang manusia itu atau mukmin supaya sentiasa istiqamah dalam mendapat motivasi diri agar terus berusaha memperbaiki kelemahan diri di samping beriktihar melaksanakan segala perkara baik yang telah diperintah serta meninggalkan perkara yang dilarang dan dimurkai-Nya. Manusia juga perlu melawan dan menundukkan kehendak nafsu yang mendorong kepada keburukan kepada diri mahupun orang lain. Hal ini juga dikatakan bahawa manusia yang bermujahadah ini, adalah mereka

sanggup meninggalkan perkara yang disukainya demi memburu sesuatu yang bermanfaat dan diyakininya itu benar, baik dan betul.

P2 menyatakan bahawa kehidupan zaman jahiliah ini dapat dikatakan ialah zaman gelap yang merujuk kepada masyarakat Arab terdahulu, iaitu manusia atau masyarakat masih dalam keadaan yang jahil di mana ia tidak tahu membezakan perkara baik dan buruk. Zaman ini juga merupakan zaman manusia yang tiada pegangan akidah kerana mereka tidak mempunyai ilmu pengetahuan. Manusia pada zaman ini juga banyak melakukan perkara yang mungkar seperti membunuh, mencuri, merompak dan sebagainya. Jika kita lihat, sikap jahiliah ini boleh berlaku pada zaman moden seperti hari ini. Ramai manusia termasuk umat Islam sendiri berkelakuan jahiliah seperti sikap, emosi, minda dan juga tindakan. Sebagai contoh, negara telah dikejutkan melalui sebaran berita tentang seorang ibu muda yang melakukan perkara yang dicegah, iaitu ibu muda telah menjerut dua anak lelakinya menggunakan wayar kerana terlalu kecewa dengan kehidupan.

P3 pada perkataan *fasa kelahiran* merujuk kepada kelahiran seorang bayi di muka bumi dan dijaga dengan penuh kasih sayang. Ibu bapa merupakan corak kehidupan bayi tersebut untuk masa akan datang. Fasa seterusnya, apabila bayi itu menjadi kanak-kanak, ibu bapa menunjukkan contoh teladan yang baik iaitu berakhlak mulia. Pada fasa remaja, ibu bapa memberikan didikan dengan memberikan pendidikan agama yang telah disyariatkan agar menjadi manusia yang berjasa. Setelah itu, apabila anak-anak dewasa, mereka ini akan memberi manfaat kepada orang sekeliling sehinggalah tua dan berakhir kehidupan manusia iaitu sebagai khalifah di muka bumi.

Persoalan:

Contoh ayat dalam teks khutbah:

P1: ...menjadi kewajipan kita sebagai orang yang beriman untuk mengaplikasikan keseluruhan hidup di bawah naungan syariat Islam dan bukan hanya mengambil sebahagian dan meninggalkan sebahagian lainnya.

P2: Tidak mungkin syariat yang dibawa oleh Rasulullah ini merupakan satu perkara yang sia-sia...

P3: Berpegang teguh dengan kedua-dua peninggalan ini bukan hanya bermakna kita meyakini sahaja tetapi yang lebih penting adalah bagaimana kita menterjemahkan ajaran syariah al-Quran dan Sunnah Rasulullah dalam penghayatan kehidupan kita.

Justifikasi andaian:

Jika kita lihat pada P1 di atas, manusia yang beriman dan patuh syariat Islam, maka kita mampu menunjukkan sikap seorang yang beriman serta dapat menyampaikan perkara kebaikan kepada orang sekeliling. Jika sebaliknya, berkemungkinan kehidupan ini akan menjadi hura-hara dan negara menjadi mundur.

Dapat kita lihat pada P2 yang menunjukkan bahawa Rasulullah juaiah yang menjadikan manusia hari ini berada dalam kehidupan aman dan harmoni. Hal ini kerana, segala perkara dan contoh yang ditunjukkan oleh Baginda yang mampu diserap dan menjadi teladan dalam membentuk sikap yang baik kepada diri seseorang individu.

P3 menyatakan jika kita berpegang teguh pada al-Quran dan Hadis sahaja tanpa memahami kandungan yang disampaikan, kita tidak akan mampu mengaplikasikannya dalam kehidupan, tetapi jika kita menyakini dan memahami apa ayat yang cuba disampaikan di dalamnya, maka hidup kita akan sentiasa selamat serta kehidupan yang dijalani akan menjadi lancar dan mudah.

TEMA: “RASULULLAH SAW: PENGIKAT UKHUWAH PENYATU UMMAH

DATA 2

Pendapat:

Contoh ayat di dalam teks khutbah:

P1: kehadiran Baginda merupakan satu anugerah dan kurniaan Allah SWT kepada umat manusia untuk menunjukkan jalan yang lurus dan benar

P2: khalifah yang berjaya membawa perubahan kepada umat manusia, mengajarkan erti persaudaraan, akhlak dan erti sebuah kehidupan yang di redhai Allah SWT.

Justifikasi andaian:

P1 di atas merujuk kepada Rasulullah SAW merupakan insan yang banyak memberikan tunjuk ajar dan contoh yang baik kepada manusia. Selain itu, Baginda telah banyak berkorban diri demi melihat umatnya sentiasa berada pada jalan yang diredai Allah. Kita sebagai manusia dan khalifah perlu menunjukkan serta memberikan contoh yang baik sesama manusia sebagaimana yang di buat oleh Baginda.

Hari ini dapat kita lihat, P2 menunjukkan bahawa khalifah, iaitu pemimpin seperti ‘diri sendiri’ kebanyakan masih ramai yang mengikut contoh Rasulullah SAW. Dengan itu, perubahan kehidupan yang berlaku disekeliling menjadi teratur dan lancar tanpa perbalahan antara masyarakat. Sikap toleransi masih ada pada diri individu. Hal ini menunjukkan bahawa Rasulullah SAW telah mencorakkan kehidupan umat pada hari ini menjadi lebih baik walaupun ada segelintir manusia yang tidak berperikemanusiaan. Namun begitu, masih ramai lagi insan yang mempunyai hati yang bersih.

Perujukan:

Contoh ayat dalam teks khutbah:

P1: mampu menjauhkan manusia daripada sifat mazmumah seperti hasad dengki dan fitnah

P2: mengajarkan kepada umat Islam bagaimana kaedah yang sepatutnya dalam memastikan limpahan rahmat itu tersebar ke seluruh alam iaitu dengan mengamalkan ajaran Islam sebenar.

Justifikasi andaian:

Dapat kita ketahui P1 menyatakan sifat mazmumah merupakan sikap yang tidak disukai masyarakat apatah lagi Allah. Sifat ini akan memecah belahkan manusia dan menyebabkan berlakunya permusuhan sesama individu. Jika kita berasa tidak berpuas hati dengan seseorang, maka kita perlulah bermuhasabah diri agar kita dapat menghindarinya dengan segera. Manusia yang mempunyai sifat ini tidak akan dapat meneruskan kehidupan dengan aman kerana mereka sentiasa tidak cukup dengan apa yang telah dimilikinya, malah tidak pernah bersyukur dengan nikmat yang diberikan. Dengan itu, sifat ini akan membawa padah kepada diri, keluarga, masyarakat mahupun negara.

Kaedah pada P2 di sini merujuk kepada cara atau teknik seseorang manusia untuk mendapatkan kasih sayang Allah secara menyeluruh. Rahmat adalah perkara yang dikurniakan Allah kepada insan yang terpilih sahaja. Namun begitu, kita boleh menjadi insan tersebut jika kita benar-benar mengamalkan ajaran yang telah diperintahkan oleh-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya.

Persoalan:

Contoh ayat dalam teks khutbah :

P1: sudah semestinya kita mengingat kembali segala ajaran yang Baginda sampaikan untuk menjadi pedoman hidup

P2: silaturahim dilihat menjadi faktor utama kekuatan ummah dengan syarat ia diasaskan dengan ketakwaan dan berlandaskan syariat

Justifikasi andaian:

P1 menyatakan jika kita menjadikan Rasulullah sebagai contoh teladan yang baik, sekali gus kita akan mengamalkan segala ajaran yang disampaikan Rasulullah sebagai panduan dalam menjalani kehidupan yang berguna.

Berpandukan kepada P2 manusia yang sentiasa patuh pada ajaran Islam akan menjalani hidup dengan harmoni sesama insan. Oleh itu, sikap yang baik akan terserlah pada diri. Inilah merupakan sebab teretusnya kepada hubungan silaturahim yang baik. Seandainya, syariat Islam diabaikan, maka rengganglah hubungan silaturahim sesama manusia sekali gus hubungan kita dengan Allah turut terhakis.

TEMA: “RASULULLAH SAW TERAS PERPADUAN UMMAH”

DATA 3

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Allah SWT menerusi para Nabi secara umumnya dan Rasulullah SAW secara khususnya telah menjelaskan kehendak-Nya kepada umat manusia bahawa Dia menyukai perpaduan dan membenci segala bentuk perpecahan.

***Maksudnya:** Dan taatlah kamu kepada Allah dan Rasul-Nya, dan janganlah kamu berbantah-bantahan; kalau tidak nescaya kamu menjadi lemah semangat dan hilang kekuatan kamu, dan sabarlah kamu; sesungguhnya Allah beserta orang yang sabar.*

Marilah kita melakukan tindakan berdasarkan prinsip-prinsip yang berasaskan kepada semangat perpaduan ummah dan bertimbang rasa dengan pihak lain. Janganlah pula kita terhasut dengan pemikiran yang jahat yang cuba untuk memecah-belahkan ummah dan menghuru harakan negara.

Pendapat:

Justifikasi andaian

Perpaduan merupakan tunjang kepada sebuah kedamaian. Kita sebagai manusia perlu kepada hubungan yang baik sesama manusia tidak kira seagama atau berlainan agama. Perpaduan ini juga amat penting kepada kestabilan politik bagi menjamin keutuhan pentadbiran yang membawa kepada struktur pembangunan sesebuah negara sehingga negara berada dalam keadaan aman, damai dan sentosa. Kita mengetahui juga bahawa atas muka bumi ini kita mempunyai pelbagai bangsa di mana majoriti rakyatnya terdiri daripada Melayu, Cina dan India yang mempunyai adat resam, agama dan kepercayaan masing-masing. Perpaduan ini sebenarnya bermula dengan diri kita sendiri. Jika kita mempamerkan suri teladan yang baik, maka orang lain juga akan turut melakukannya.

Perujukan:

Justifikasi andaian:

Ayat di atas merujuk kepada 'manusia'. Kita khalifah perlulah mematuhi segala hukum dan peraturan yang telah ditetapkan dalam dunia ini. Jika ingin mendapatkan sesuatu kebaikan hendaklah berusaha dan tidak berputus asa dengan segala dugaan yang datang. Oleh itu, kita perlulah mempunyai sikap sabar dalam mendapatkan mendapatkan sesuatu yang diinginkan kerana orang yang sabar tidak akan rugi. Sikap sabar ini mengajar kita menjadi manusia yang kuat dan tidak lemah dengan sesuatu yang menimpa diri, malah menjadi sebuah kekuatan yang lebih bersemangat untuk menjalani kehidupan yang akan datang.

Persoalan:

Justifikasi andaian:

Di sini jelas menyatakan bahawa kita sebagai manusia perlulah berpegang teguh kepada prinsip hidup yang diaturkan dalam kehidupan iaitu menjadi manusia yang bertaqwa supaya kita tidak mudah terpedaya dengan hasutan syaitan yang memusnahkan dan memecahkan umat. Jelaslah bahawa, setiap agama menyuruh manusia memupuk sikap perpaduan antara sesama manusia.

RUMUSAN

Secara keseluruhannya, kajian ini memberikan tumpuan sepenuhnya kepada teks khutbah Maulud Nabi berdasarkan kepada kohesi dan andaian ujaran yang disampaikan di dalam teks tersebut sebagai kajian untuk dianalisis. Berdasarkan kajian ini, pengkaji mendapati maklumat berkaitan wacana pada frasa, perkataan dan ayat pada teks khutbah yang digunakan sangat relevan dengan dianalisis menggunakan pendekatan analisis wacana Normaliza Abd Rahim (2019). Kajian Erlita Sari Savitri (2017) berpendapat juga bahawa wacana turut dikatkan dengan kohesi gramatikal dan leksikal dalam sesebuah teks. Di samping itu juga Pramono Abdullah (2015) berpendapat bahawa pelbagai istilah dan aspek kebahasaan lain yang muncul sebagai suatu praktik ideologi yang dijelaskan dalam linguistik makro iaitu sesebuah kajian dimulai dengan memanfaatkan suntingan daripada teks yang sudah ada dan ia berkenaan dengan wacana Islam tempatan. Seterusnya, Saefudin Ibrahim (2017) menyatakan bahawa teks khutbah ini berdasarkan kepada struktur sintaksis, struktur skrip iaitu kesantunan ayat dalam huraian teks sesuai dengan konteks situasi dan budaya, serta struktur retorik dan unsur tematik iaitu pendapat daripada tokoh.

KESIMPULAN

Natijahnya, kajian berkaitan analisis teks khutbah Maulud Nabi ini memberikan informasi yang bermanfaat serta kesan positif yang maksima kepada masyarakat. Di samping itu, institusi telah menyediakan teks khutbah yang berkualiti sebagai sebuah rujukan dan panduan kepada masyarakat bagi memenuhi keperluan masyarakat Islam di samping melahirkan masyarakat Islam yang peka terhadap situasi semasa. Seterusnya, teks khutbah penting kepada ibu bapa kerana ia menjadi ilmu pengetahuan atau rujukan untuk diajar kepada anak-anak tentang perkara yang terkandung atau pengajaran yang disampaikan dalam teks khutbah Maulud Nabi tersebut sedikit sebanyak membantu mereka dalam mengajar ilmu ini kepada anak-anak pada peringkat awal lagi. Akhir sekali, kajian ini penting kepada penyelidik itu sendiri kerana segala permasalahan yang hadir menerusi teks khutbah menjadi perhatian dalam kajian. Apabila terdapat kekurangan terhadap teks yang disampaikan

perlu dipertanggungjawabkan. Oleh itu, penyelidik menjadikan dorongan ini sebagai suatu konsep dalam usaha memberi khabar baharu kepada cara penyediaan teks khutbah sekali gus menimba pengalaman dalam menjalankan kajian ini. Adalah diharapkan supaya kajian akan datang bertumpukan kepada wacana teks kandungan, konteks serta andaian dalam wacana tekstual khutbah Maulud Nabi dengan membuat penambahbaikan atau membuat penumpuan terhadap kesemua teks khutbah dari segi kohesinya.

RUJUKAN

- Abd Ganing Laenggang (2018). Analisis Lakuan Bahasa terhadap Teks Khutbah Jumaat Negeri Selangor. *Jurnal Hal Ehwal Islam dan Warisan Selangor*, 2(1), 1-18.
- Abdul Aziz Idris & Ir Juanda Jaya (2017). Kohesi Gramatikal: Kajian Keutuhan Wacana Tugas Mahasiswa Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia. *Jurnal Bahasa dan Seni Universiti Negeri Makassar*. 45(2), 170-180.
- Brown, G. dan Yule, G. (1983). *Discourse Analysis*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Cerianing Putri Pratiwi (2017). *Analisis Kohesi Gramatikal pada cerpen Kunang-Kunang di Langit Jakarta karya Agus Noor*. Program Studi Pendidikan Guru Sekolah Dasar (PGSD), Indonesia.
- Chang Yee Piyang (2014). *Struktur dan Makna Pariwisata: Analisis Wacana dalam Akhbar bahasa Cina di Malaysia*. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Endang Wiyanti (2016). Kajian Kohesi Gramatikal Substitusi dan Elipsis dalam Novel “Laskar Pelangi” karya Andrea Hirata. *Jurnal Pendidikan Bahasa dan Sastra Universiti Indraprasta PGRI*. 16(6), 188-202.
- Hizb ut-Tahrir (2011). *The Draft Constitution of the Khilafah State (PDF)*. Khilafah. Dicapai pada 15 February 2016.
- Halliday, M. A. K., & Hasan, R. (1976). *Cohesion in English*. London: Longman.
- Iis Putri Hartami (2018). Penanda Kohesi Gramatikal dan Leksikal Pencuci di Televisyen. *Jurnal Skripsi Universiti Nusantara PGRI Kediri*. 2(66), 01-08.
- Ihsan Bintang Ariaaji (2018). *Analisis Perangkat Kohesi dalam Wacana Cerita Pendek Chuumon No Ooi Ryouriten*. Universiti Diponegoro, Semarang.
- Klara Sukma Pujiati (2017). *Penanda Kohesi Gramatikal dan Leksikal pada Wacana Narasi dalam Buku Teks Cakap Berkomunikasi dalam Bahasa Indonesia Kelas VII dan Kelayakannya sebagai Bahan Ajar*. Universiti Muhammadiyah Surakarta, Indonesia.
- Erlita Sari Savitri (2017). Kohesi Gramatikal dan Leksikal dalam Talkshow Metro Tv “Mata Najwa”. *Jurnal Nosi Universiti Islam Malang*. 5(4), 01-08.
- Mohd Azidan Abdul Jabar & Ab. Halim Mohamad (2017). Ketekstualan Wacana Arab Menerusi Kaedah Kohesi. *Jurnal Al-Anwar UPM*, 1(3), 33-50.
- Mochtar Lubis (1991). *Tiger!*. Singapore: Select Books.
- Mohd Zuhir Abd Rahman (2014). *Pengaruh Konteks Sosiobudaya Tempatan dalam Teks Pembelajaran Arab*. Universiti Putra Malaysia, Serdang Selangor.
- Muhammad Fathurahman Hakim (2018). *Konstruksi Khutbah Toleransi Beragama Para Khatib Masjid Perguruan Tinggi Negeri. (Master Tesis)*. Universiti Islam Negeri Sunan Ampel, Surabaya.
- Muhammad Faizuddin Hashim (2016). *Analisis Konteks Wacana dalam Novel Contengan Jalanan*. Universiti teknologi Mara, Kuala Lumpur.
- Normaliza Abd Rahim. (2018). *Discourse Analysis Theory: Critical Views and Perspective*. *IUKL research journal* 7 (1) 1-9.
- Nur Izzati Rozman & Nur Azilawati Mohd Noor (2018). *Wacana Ucapan Bajet: Analisis Wacana Kritis Pendekatan Strategi ‘Jaminan Kesejahteraan Rakyat’ sebelum dan selepas Pilihanraya*. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

- Nurul Aishah Mohd Radzi, Normaliza Abd Rahim & Nor Azuwan Yaakob (2018). Wacana Tekstual dalam Iklan Selebriti. *Jurnal Komunikasi UPM*. 34(4), 198-213.
- Nurul Afifah Adila Mohd Salleh (2017). *Kandungan dan Struktur Wacana dalam Teks Ucapan Persidangan Parlimen Mahasiswa*. (Tesis Master). Universiti Putra Malaysia, Serdang Selangor.
- Pramono Abdullah (2015). *Wacana Maulud Nabi di Minangkabau: Kajian tentang Dinamikanya berdasarkan Naskhah-Naskhah Karya Ulama Tempatan*. (PHD Tesis). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Rohaily@ Abd Rahman Abd Hamid (2012). *Teks Khutbah Jumaat Jabatan Agama Islam Wilayah persekutuan (Jawi): Kajian tentang Metode dan Cabaran Penyediaannya*. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Rohaizah Ab Karim (2014). *Analisis Wacana Ucapan Perdana Menteri Malaysia Keenam Sempena 100 Hari Menakhoda Negara*. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Saefudin Ibrahim (2017). Realisasi Strategi Kesantunan dalam Wacana Dakwah: Satu kajian Pragmatik pada Teks Ceramah Agama dan Khutbah Jumaat. *Jurnal Al-Turas Mimbar Sejarah, Sastra, Budaya dan Agama*. XXIII (1), 139-157.
- Siti Norma Aisyah Malkon@Molkan (2018). *Kohesi Gramatikal dan Leksikal pada Pidato Malala Yousafzai: Then Pen is Mightier Than the Sword*". Universiti Sam Ratulangi, Indonesia.
- Subramonian. G. (2015). *Kohesi Nahuan dan Leksikal dalam Novel 'Iltachia Payanam'*. Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor.
- Sumarlam (2003). *Analisis Wacana*. Solo: Pustaka Cakra.
- Tarigan, Daitin. (2006). *Pembelajaran Matematika Realistik*. Jakarta: Departemen Pendidikan Nasional Direktorat Jendral Pendidikan Tinggi.
- Yau Chang Yee (2015). *Kohesi Nahuan dalam Karangan Keperihalan Bahasa Cina Pelajar Tingkatan Empat*. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.